

NO SOALAN :33**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA****DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
(PENAMPANG)****PERTANYAAN : LISAN****TARIKH : 07.03.2018**

Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah secara terperinci setiap tahun (antara Tahun 2010 hingga ke 2017) yang telah dibayar oleh PETRONAS sebagai "CASH PAYMENT" (seperti mana termaktub dalam Petroleum Development Act 1974) kepada Sabah dan juga Sarawak.

JAWAPAN

Untuk makluman YB Penampang dan Dewan Yang Mulia ini, Jumlah bayaran tunai daripada PETRONAS kepada Kerajaan Negeri Sabah dalam tempoh tahun 2010 hingga 2017 adalah berjumlah RM7,549 juta iaitu sebanyak RM826.56 juta (2010), RM831.18 juta (2011), RM941.25 juta (2012), RM975.26 juta (2013), RM978.54 juta (2014), RM961.94 juta (2015), RM787.83 juta (2016), dan RM1,246.44

juta (2017). Dalam masa yang sama juga, bayaran tunai yang dibayar oleh PETRONAS kepada kerajaan Negeri Sarawak adalah berjumlah RM15,382.93 juta iaitu sebanyak RM1,730.01 juta (2010), RM2,049.98 juta (2011), RM2,625.56 juta (2012), RM2,487.51 juta (2013), RM2,746.52 juta (2014), RM2,248.98 juta (2015), RM1,494.37 juta (2016) dan RM1,558.62 juta (2017).